

14 APR 2002

Mahathir-Singapura/I

S'PURA ADA HAK LALUAN UNTUK KENDALI RUMAH API DI PULAU PISANG

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Malaysia telah memberikan Singapura hak laluan ke Pulau Pisang, di perairan Johor untuk mengendalikan rumah api di situ, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata oleh itu bukan mudah untuk menyatakan sama ada Singapura mencerooboh atau tidak perairan di situ.

" Kita tidak tahu dia ceroboh ataupun tidak kerana kita (Malaysia) ada perjanjian untuk kakitangan rumah api milik kerajaan Singapura ke Pulau Pisang untuk menjaga rumah api itu, dan Singapura telah mengadakan jalan untuk mereka guna," katanya.

"Walaupun pulau itu milik Malaysia, Singapura telah diberi hak laluan bagi menjaga rumah api itu" katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis pertandingan Golf Amal 2002 anjuran Yayasan Pembangunan Masyarakat Kubang Pasu dan Yayasan Bestari Kuala Langat di Glenmarie Golf and Country Club di Subang dekat sini.

Dr Mahathir berkata demikian apabila ditanya mengenai laporan yang mengatakan rakyat Singapura bergerak bebas ke pulau itu yang terletak di perairan Pontian, Johor.

Menyentuh mengenai banciaan terus menerus yang dibuat oleh akhbar Harakah, lidah rasmi PAS mengenai pengganti Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata: "Kita peduli apa dengan Harakah."

Itu adalah niat PAS untuk melihat Umno berpecah belah, katanya semasa menjawab soalan pemberita sama ada tindakan itu sebagai satu agenda parti pembangkang berkenaan untuk memecahbelahkan Umno.

Harakah telah menjalankan banciaan itu di laman webnya dan mendakwa banciaan menunjukkan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menduduki tempat ketiga di belakang dua naib presiden Umno, iaitu Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai pengganti Dr Mahathir.

Sementara itu mengenai lawatannya ke Libya, Bahrain dan Mahgribi bermula esok, Dr Mahathir berkata ianya adalah satu lawatan persahabatan dan untuk mempertingkatkan hubungan sedia ada antara Malaysia dan ketiga-tiga negara itu.

Sebelum itu, semasa berucap di majlis itu beliau berkata perkembangan teknologi maklumat memerlukan rakyat sentiasa mempertingkatkan diri mereka dalam bidang itu.

Beliau berkata pada masa dahulu, hanya mereka yang buta huruf perlu mempertingkatkan kemampuan untuk membaca, tetapi kini setiap orang perlu sentiasa mempertingkatkan ilmu dalam bidang sains komputer.

Walaupun kerajaan menyediakan kemudahan komputer di sekolah-sekolah, pendedahan mengenai IT bagi mereka yang dewasa dan tidak bersekolah perlu diwujudkan dengan bantuan orang ramai, katanya.

Majlis hari ini bertujuan mengutip derma bagi mengisi tabung pendidikan dan khidmat kebajikan kedua-dua yayasan itu yang antara lain untuk membiayai program "jejak jaya pelajar ke universiti atau "Jejak U" dan program "perkampungan siber" bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang teknologi maklumat.

-- BERNAMA

HK MFJ PR